



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

LAPORAN SIASATAN EAIC PENEMUAN DAN SYOR BERHUBUNG LATIHAN SENJATA API RELA

***UNTUK SIARAN SEGERA
24 FEBRUARI 2026***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menjalankan siasatan ke atas aduan-aduan berikut:

- (i) kecuaiian dalam pengendalian latihan senjata api di Pusat Latihan RELA Wilayah Utara (PLRWU) yang mengakibatkan kecederaan seorang peserta Kursus Asas Induksi Pegawai RELA pada 15 November 2024; dan
- (ii) penganjuran latihan senjata api oleh PLRWU pada 15 November 2024 yang didakwa tidak mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

HASIL SIASATAN

Siasatan telah dijalankan selaras dengan subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] dan hasil siasatan adalah seperti berikut:

- (i) berlaku kecuaiian oleh pegawai RELA yang bertugas sebagai Pegawai Lapang Sasar dan Pegawai Tapak semasa latihan senjata api tersebut dijalankan;
- (ii) pihak pengurusan PLRWU tidak mengemukakan laporan polis dan laporan rasmi kepada Ibu Pejabat RELA berhubung insiden tersebut; dan

(iii) berlaku ketidakpatuhan terhadap Syarat Kelulusan Lesen/Permit Sementara Senjata Api yang dikeluarkan oleh pihak Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah semasa latihan tersebut dijalankan, yang mensyaratkan setiap penembak dibantu oleh pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM).

SYOR

- (i) EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib RELA dengan syor tindakan tatatertib terhadap pegawai yang terlibat atas kesalahan di bawah perenggan 4(2)(j) kerana cuai dalam menjalankan tugas, sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Pindaan) 2002 [P.U.(A) 246]; dan
- (ii) EAIC turut mengesyorkan pelaksanaan pemurnian dan semakan semula semua SOP berkaitan pengendalian dan latihan senjata api oleh RELA bagi memastikan ia sejajar dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**